



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88810714
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA 600/21/1/4 Jld 2 (50)
Tarikh : 17 Oktober 2023

ENCIK SHAFARIN BIN NASUREDIN

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Tingkat 11, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA

Tuan,

LAPORAN PENILAIAN STANDARD KUALITI PERKHIDMATAN PSIKOLOGI SUMBER MANUSIA (SKPPSM) TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah melaksanakan penilaian Naziran Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) Tahun 2023 di Kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK). JPA ingin merakamkan ribuan terima kasih di atas penglibatan dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang proses penilaian.

3. Sehubungan itu, Jawatankuasa Teknikal Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) JPA bersetuju dan memutuskan bahawa Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya berjaya memperoleh **keputusan cemerlang 90.95% dengan penarafan lima (5) bintang** dalam Naziran Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia tahun 2023. Bersama ini dilampirkan Laporan Audit dan Ulasan Jawatankuasa Teknikal SKPPSM untuk perhatian tuan.

4. Jabatan mengucapkan **TAHNIAH** di atas pencapaian ini dan berharap agar penambahbaikan berterusan dapat dilaksanakan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan psikologi terus cemerlang.


Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. ABDUL JALIL BIN HASSAN)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Psikologi

b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

**LAPORAN NAZIRAN STANDARD KUALITI PERKHIDMATAN PSIKOLOGI
SUMBER MANUSIA (SKPPSM) TAHUN 2023**

**KEMENTERIAN/JABATAN : KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN
BUDAYA**

1. RUMUSAN AUDIT/ NAZIRAN :

Secara keseluruhannya, UPPs telah memenuhi kesemua dimensi utama standard kualiti yang ditetapkan merangkumi aspek hala tuju perkhidmatan, pengurusan organisasi dan pengurusan perkhidmatan. Empat (4) elemen aplikasi psikologi dalam pengurusan sumber manusia telah dilaksanakan dengan baik berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, MyPPSM Pengurusan Psikologi.

2. PELUANG PENAMBAHBAIKAN

Elemen berikut dicadangkan untuk penambahbaikan iaitu:


- D III – E9 : Bilangan sesi kaunseling dipertingkatkan bersesuaian dengan nisbah yang ditetapkan bagi setiap Pegawai Psikologi.
- D III – E9 : Pendekatan kaunseling kelompok boleh dipertingkatkan dalam melaksanakan intervensi bagi kumpulan sasaran yang lebih besar.
- D III – E9 : Meningkatkan sesi melalui e-kaunseling dengan meningkatkan fasiliti dan melaksanakan promosi.

*Rujukan Dimensi dan Wajaran seperti di Lampiran

ULASAN DAN KEPUTUSAN JAWATANKUASA TEKNIKAL SKPPSM

Jawatankuasa Teknikal SKPPSM bersetuju dengan **keputusan cemerlang 90.95% dengan penarafan lima (5) bintang** dalam Naziran Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia tahun 2023.

Tarikh: // Oktober 2023



DR. ABDUL JALIL BIN HASSAN
Pengerusi
Jawatankuasa Teknikal SKPPSM
Bahagian Pengurusan Psikologi
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

DIMENSI DAN WAJARAN

DIMENSI	ELEMEN		WAJARAN
D I	HALA TUJU PERKHIDMATAN		5%
	E1	Visi dan Misi	
D II	PENGURUSAN ORGANISASI		25%
	E2	Struktur Organisasi	
	E3	Perancangan	
	E4	Pengurusan Maklumat & Rekod	
	E5	Pencapaian & Pengiktirafan	
D III	PENGURUSAN PERKHIDMATAN		70%
	E6	Aplikasi Psikologi Dalam Penilaian Personel	
	E7	Aplikasi Psikologi Dalam Pembangunan Personel	
	E8	Aplikasi Psikologi Dalam Penyelidikan Psikologi	
	E9	Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi	

SKOR (Peratusan)	PENCAPAIAN
90.0% - 100%	Cemerlang
80.0% - 89.9%	Baik
70.0% - 79.9%	Sederhana
60.0% - 69.9%	Rendah
50.0% - 59.9%	Lemah
49.9% ↓	Sangat Lemah



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Sijil Penarafan Bintang

**STANDARD KUALITI PERKHIDMATAN
PSIKOLOGI SUMBER MANUSIA (SKPPSM)
TAHUN 2023**



Kepada

**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI
DAN BUDAYA**



.....
**DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

Termaktub Di Putrajaya Pada 13 OKTOBER 2023